



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

STATUS KUALITI UDARA

19 OGOS 2017

Pada hari ini, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada **jam 11.00 pagi** menunjukkan 61 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, satu (1) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana iaitu di Banting, Selangor dan tiada kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap tidak sihat. Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, http://apims.doe.gov.my/public_v2/home.html atau sistem aplikasi ‘MyIPU’.

Berdasarkan laporan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura pada 18 Ogos 2017, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* di Sumatera, Indonesia dua (2) titik panas (hotspot) yang dikesan, manakala sebanyak satu (1) titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan, Indonesia. Selain itu, tiada titik panas (hotspot) dikesan di Sabah atau Sarawak manakala di Semenanjung juga tiada titik panas yang dikesan.

Sejak tempoh 2 (dua) minggu yang lalu didapati tiada jerebu merentas sempadan dialami negara sehingga kini. Ini adalah kerana usaha pencegahan di peringkat serantau dan tempatan telah dipertingkatkan bagi memastikan tiada kejadian jerebu berlaku terutama ketika Monsun Barat Daya bermula dari bulan Ogos hingga September tahun ini. Di samping itu, pengurangan titik panas di Indonesia juga adalah jaminan dan komitmen pihak Kerajaan Indonesia dengan meningkatkan keupayaan aktiviti pencegahan seperti program rehabilitasi dan pemuliharaan tanah gambut, meningkatkan aktiviti Kawalan Perladangan dan Kawalan Api Hutan untuk tahun 2017-2019 yang melibatkan kerjasama antara kerajaan, swasta dan masyarakat setempat serat meningkatkan keupayaan penguatkuasaan dan aktiviti pemadaman.

Begitu juga di peringkat tempatan, Kerajaan Malaysia telah mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan dan kesiapsiagaan untuk menghadapi jerebu dengan mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka terutama yang melibatkan tapak pelupusan sampah, hutan simpan dan kawasan tanah gambut yang berpotensi menyebabkan jerebu di peringkat tempatan. Di samping itu, penguatkuasaan ke atas punca-punca industri, kawalan pelepasan asap dan gas dari kenderaan bermotor serta kawalan ke atas aktiviti pembukaan tanah yang menyebabkan pencemaran udara juga dipertingkatkan ketika ini .

Berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini **sehingga 18 Ogos 2017, sebanyak 891 kes pembakaran terbuka telah dikesan** di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (63 kes), kawasan pertanian (138 kes), kawasan industri (20 kes), kawasan pembinaan (36 kes), tapak pelupusan sampah (59 kes), kawasan belukar (85 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (490) seperti pembakaran sampah sarap domestik dan tumbuh-tumbuhan.

Bagi tindakan penguatkuasaan untuk tempoh yang sama, sebanyak **121 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 8 kes telah dikeluarkan Notis Arahan dan 17 kes telah dikeluarkan Surat Arahan**. Selain itu, sebanyak **1 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah**.

KEADAAN CUACA SEMASA

Malaysia masih lagi mengalami Monsun Barat Daya dan dijangka berterusan sehingga September 2017. Secara amnya, semasa Monsun Barat Daya, Negara akan mengalami keadaan pengurangan hujan di Semenanjung dan Sarawak di mana bilangan hari tanpa hujan akan melebihi hari hujan kecuali di Sabah yang akan menerima jumlah hujan yang lebih banyak berbanding negeri lain. Tiada suhu panas luar biasa dan tiada kemarau yang panjang dijangka berlaku. Namun di dapati dalam bulan Ogos ini didapati lembab dan bilangan hari hujan yang kerap seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Metereologi Malaysia. Keadaan cuaca ini membantu mengurangkan cuaca panas dana jerebu dalam negara.

Di atas kesiapsiagaan dan tindakan pencegahan di atas, pihak Kementerian yakin pada tahun ini negara bebas jerebu dan temasya Sukan SEA dapat dijayakan oleh para atlet negara dan negara jemputan dalam kualiti udara yang sihat.

Sekain, terima kasih.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

19 OGOS 2017

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI :

Puan Mashitah Binti Darus

Pengarah Bahagian Udara

Jabatan Alam Sekitar

Emel : md@doe.gov.my

No Tel: 03 -8871 2317

Puan Noor Fadilah Binti Ibrahim

Pegawai Komunikasi Strategik

Unit Komunikasi Korporat


Emel : fadilah@nre.gov

No. Tel: 03 -8886 1081

RAJAH 1

PETA JEREBU SERANTAU, 18 OGOS 2017

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)



Select Date

18 Aug, 2017



Overlays

2500 ft Wind

Satellite Image (8:30UTC)

Regional Haze Update

Hotspot activities in the region remain subdued by the prevailing wet weather conditions. No visible smoke plumes or haze were observed. In the next few days, prevailing winds in the northern ASEAN region will blow from the southwest or west, and winds in the southern ASEAN region will blow from the southeast or southwest.

Updated 5:44 PM 18 Aug

RAJAH 2

LAPORAN LOKASI HOTSPOT, 18 OGOS 2017

(Sumber : Seksyen GIS, Jabatan Alam Sekitar)

NEGARA : MALAYSIA		
BIL.	NEGERI	HOTSPOT
1	Johor	0
2	Kedah	0
3	Kelantan	0
4	Melaka	0
5	Negeri Sembilan	0
6	Pahang	0
7	Perak	0
8	Perlis	0
9	Pulau Pinang	0
10	Sabah	0
11	Sarawak	0
12	Selangor	0
13	Terengganu	0
14	W.P. Kuala Lumpur	0
15	W.P. Putrajaya	0
16	W.P. Labuan	0
JUMLAH HOTSPOT		0

NEGARA SERANTAU		
BIL.	NEGARA	HOTSPOT
1	SUMATERA (RIAU)	2 (0)
2	KALIMANTAN	1
3	BRUNEI	0

RAJAH 3

LAPORAN BACAAN INDEKS PENCEMAR UDARA

11.00 AM, 19 OGOS 2017

(Sumber : *Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar*)

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 19/08/2017 11:00	
		API	STATUS
CA01R	Kangar, PERLIS	16*	Good
CA02K	Langkawi, KEDAH	24*	Good
CA03K	Alor Setar, KEDAH	25*	Good
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	26*	Good
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	21*	Good
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	39*	Good
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	34*	Good
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	25*	Good
CA10A	Taiping, PERAK	32*	Good
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	41*	Good
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	49*	Good
CA13A	Seri Manjung, PERAK	38*	Good
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	23*	Good
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	31*	Good
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	NA	NA
CA17W	Presint 18, W.P. PUTRAJAYA	30*	Good
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	29*	Good
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	31*	Good
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	30*	Good
CA21B	Klang, SELANGOR	32*	Good
CA22B	Banting, SELANGOR	62*	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	43*	Good
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	31*	Good

CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	26*	Good
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	35*	Good
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	34*	Good
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	30*	Good
CA29J	Segamat, JOHOR	28*	Good
CA30J	Muar, JOHOR	33*	Good
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	31*	Good
CA32J	Kluang, JOHOR	23*	Good
CA33J	Larkin, JOHOR	32*	Good
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	30*	Good
CA35J	Pengerang, JOHOR	29*	Good
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	19*	Good
CA37C	Rompin, PAHANG	44*	Good
CA38C	Temerloh, PAHANG	28*	Good
CA39C	Jerantut, PAHANG	28*	Good
CA40C	Indera Mahkota, Kuantan, PAHANG	25*	Good
CA41C	Balok Baru, Kuantan, PAHANG	48*	Good
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	30*	Good
CA43T	Paka, TERENGGANU	24*	Good
CA44T	Kuala Terengganu, TERENGGANU	42*	Good
CA45T	Besut, TERENGGANU	20*	Good
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	29*	Good
CA47D	Kota Bahru, KELANTAN	35*	Good
CA48S	Tawau, SABAH	11*	Good
CA49S	Sandakan, SABAH	25*	Good
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	16*	Good
CA51S	Kimanis, SABAH	11*	Good
CA52S	Keningau, SABAH	18*	Good
CA54Q	Limbang, SARAWAK	23*	Good
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	15*	Good
CA56Q	Miri, SARAWAK	29*	Good
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	35*	Good
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	41*	Good

CA59Q	Mukah, SARAWAK	30*	Good
CA60Q	Kapit, SARAWAK	24*	Good
CA61Q	Sibu, SARAWAK	15*	Good
CA62Q	Sarikei, SARAWAK	22*	Good
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	23*	Good
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	16*	Good
CA65Q	Kuching, SARAWAK	19*	Good

* = Particulate Matter (**PM₁₀**) || a = Sulphur Dioxide (**SO₂**)

|| b = Nitrogen Dioxide (**NO₂**) || c = Ozone (**O₃**) || d =

Carbon Monoxide (**CO**) || # = /